

12/06/1999

IT jadi pokok perbincangan

Mohd Azrone Sarabatin; Suzianah Jiffar; Noorwainie Yakub
TUNTUTAN menguasai dan memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat (IT) menjadi persoalan pokok Perkampungan Sasterawan Sabah keenam yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Narinang, Kota Belud pada 4 hingga 6 Jun lalu.

Persoalan berkenaan tidak pernah terlepas bukan saja dalam ucapan perasmian, ucapan dasar dan ucapan penutupan, malah berkesinambungan dalam semua tujuh kertas kerja yang dibentangkan sepanjang perkampungan yang disifatkan sebagai penutup abad itu.

Peserta yang mengambil bahagian dalam soal jawab tidak ketinggalan membahaskan persoalan berkenaan.

Perkembangan ini amat membanggakan, sekali gus memberi sinar baru dalam menyemarakkan sastera dan bahasa di Sabah dalam abad ke-21 yang lebih dikenali sebagai alaf baru.

Menteri Pembangunan Belia, Kebudayaan dan Kemajuan Sukan Sabah, Datuk Rubin Balang menggesa sasterawan dan karyawan menggunakan sepenuhnya perkembangan IT dengan menghasilkan karya yang bukan saja diterbitkan menerusi bidang percetakan tetapi mencari alternatif memuatkannya dalam Internet atau e-mel.

Ini kerana, menurutnya, menerusi kaedah ini pembentukan citra masyarakat menerusi karya kreatif dapat disebar dengan kaedah moden dan memenuhi tuntutan alaf.

Tetapi, katanya, karya itu hendaklah berunsur positif dan konstruktif bukannya menghentam kepimpinan negara dan mendedahkan kelemahan bangsa sendiri secara melulu dan tidak bertanggungjawab.

Persoalan IT diteruskan di hari kedua perkampungan menerusi ucapan dasar disampaikan Yang Dipertua Majlis Bahasa dan Sastera Sabah (MBSS), Datuk Sapawi Ahmad.

Sapawi yang juga Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Sabah menegaskan sasterawan perlu menguasai IT dan tidak tertinggal dari arus perdana perkembangan teknologi untuk memastikan karya dihasilkan relevan di tengah-tengah masyarakat celik IT.

Katanya, alaf baru yang tinggal kurang enam bulan dari sekarang dipenuhi cabaran dan cabaran paling ketara ialah lebuhraya IT yang menuntut setiap individu dalam masyarakat menguasainya.

Bagaimanapun, katanya, aspek agama dan etika ketimuran tidak boleh dipinggirkan kerana tanpanya mereka akan melupakan aspek kemanusiaan dan kemasyarakatan sehingga menyalahgunakan teknologi berkenaan.

Sambil memberi contoh, penyalahgunaan internet bukan saja berlaku di Barat tetapi juga di negara ini, yang lahir daripada kehilangan identiti agama dan kerukunan budaya ketimuran.

Menurutnya, penyebaran fitnah adalah antara budaya negatif yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tempasuk, Musbah Jamli ketika merai jawatankuasa penganjur, penceramah undangan dan peserta perkampungan dalam satu majlis makan malam tidak ketinggalan memperkatakan ehwal IT dalam konteks karya pada alaf baru.

Katanya, jika sasterawan era sebelum merdeka membangkitkan semangat nasionalisme menerusi karyanya, dalam konteks sekarang memanfaatkan perkembangan IT adalah salah satu cabang perjuangan mengisi era kemerdekaan.

Beliau berkata, penulis perlu menggunakan bidang itu untuk menerapkan

unsur murni kepada masyarakat kerana pada era ini bidang berkenaan menjadi wahana terpenting menyedarkan masyarakat yang alpa terhadap peranan membela bangsa, agama dan negara.

Persoalan IT berkesinambungan dalam ucapan penutup yang disempurnakan oleh bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Salleh Tun Said.

Beliau menegaskan perkembangan IT perlu dikuasai sasterawan untuk menghasilkan karya bermutu yang bermanfaat kepada masyarakat bagi menghadapi alaf baru.

Mohd Salleh yang juga Ahli Parlimen Kota Belud, berkata sudah tiba masanya terbabit menghasilkan karya untuk dimuatkan dalam Internet dan e-mel.

Menurutnya, kaedah ini bukan saja mudah untuk menyebarkan karya tetapi berupaya memartabatkan sastera dan bahasa kerana hasil tulisan itu boleh diikuti pembaca dari dalam dan luar negeri.

Katanya lagi, sasterawan perlu menguasai IT agar tidak ketinggalan dalam arus perdana era globalisasi dan liberalisasi sejagat yang akan dijejaki dalam tempoh kurang setengah tahun dari sekarang.

Sebanyak tujuh kertas kerja dibentangkan dalam perkampungan berlangsung selama tiga hari yang menghimpunkan seramai 100 peserta dari seluruh negeri itu.

'Sasterawan Pembentuk Citra Masyarakat' dipilih menjadi tema perkampungan berlatar belakangkan Sungai Kadamaian yang mengalir dari kaki Gunung Kinabalu itu.

Pembentang kertas kerja terdiri daripada Pengarah DBP cawangan Sabah, Zulkifli Salleh dengan kertas kerjanya bertajuk Citra Masyarakat Dari Perspektif Beberapa Pengarang Novel di Sabah; Wakil DBP Kuala Lumpur, Hamzah Hamdani (Citra Bangsa Malaysia Dalam Karya Kesusasteraan Kebangsaan) dan aktivis sastera, Datu Bandira Datu Alang (Sasterawan: Nukleus Sosialisasi Masyarakat Alaf Baru) untuk sesi pertama.

Sesi kedua pula menampilkan Guru Sastera SMK Narinang, Juilis Mokujal dengan kertas kerja berjudul Citra Masyarakat Dalam Novel Satira: Suatu Pandangan; Ketua Satu Ikatan Penulis Sabah (IPS), Sukor Usin (Sasterawan Pembentuk Citra Masyarakat: Cabaran Kepada Penyair Generasi Baru); Pengkritik Sastera, Daniel Jebon Janaun (Sasterawan Bestari Sebagai Pembentuk Citra Masyarakat) dan Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah (UMS), Asmiati Amat (Wanita Berkerjaya Dalam Novel Azmah Nordin).

Sasterawan Negara (SN), Datuk A Samad Said menjadi tetamu undangan dalam sesi 'Dialog Bersama Sasterawan Negara' menerusi segmen 'Catatan Sasterawan Negara' yang dipengerusikan Sasterawan Negeri Sabah berasal dari Kota Belud yang pernah menerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (Sea Write Awards) dari Thailand, Ismail Abas (Amil Jaya).

Mengimbas kembali sejarah perkembangan Perkampungan Sasterawan Sabah yang dianjurkan kali pertama dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Kampus Sabah pada 10-12 April 1981 yang mempersoalkan pembinaan negara menerusi tema 'Sasterawan Dalam Pembinaan Negara' persoalan kali ini jelas menjadi kesinambungan perkampungan berkenaan, walaupun kali ini ia lebih canggih dan memilih cabaran sejagat.

Jika dalam perkampungan pertama persoalan berkisar kepada pengisian kemerdekaan menerusi penglibatan sasterawan dalam prospek pembinaan negara termasuk ekonomi, budaya dan sosial, kali ini menuntut penyertaan sasterawan mempelajari dan memanfaatkan teknologi baru bertujuan membina negara agar tidak ketinggalan zaman.

Begitu juga program kedua yang diadakan pada 7 hingga 9 Disember 1986 di Sandakan dan ketiga di Labuan pada 29 Jun hingga 1 Julai 1990 yang bertemakan 'Profesionalisme Dalam Penulisan', perkampungan keempat (Tawau - 1992 - Sasterawan ke arah Wawasan 2020) dan perkampungan kelima

(Beringgis, Papar - 16 hingga 18 Jun 1996 - Sasterawan Berilmu Penggerak Wawasan).

Jika diteliti kesemua tema dipilih tidak banyak perbezaan dan menjurus kepada persoalan semasa sekitar perkampungan berkenaan.

Ilham Wawasan 2020 dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1991 misalnya dimanfaatkan menerusi tema perkampungan keempat pada 1992 dan kelima (1996).

Jelas berasaskan pemilihan tema berkenaan sasterawan sentiasa prihatin terhadap pembentukan citra masyarakat.

Secara realistiknya, sasterawan sentiasa berusaha menyajikan pembaca dengan hidangan pemikiran bernas tanpa memikirkan ganjaran demi cita-cita membela bangsa, agama dan negara, di samping memartabatkan bahasa dan sastera mengikut perkembangan zaman.

Dalam konteks ini, Datu Bandira dalam kertas kerjanya sempena perkampungan keenam menyuarakan rasa terkilannya:

"Begitu juga orang-orang yang bergelar tokoh kesusasteraan atau sasterawan tidak begitu mendapat tempat di kalangan masyarakat atau pemerintah sendiri. Cuba kita semak senarai penerima anugerah setiap kali hari jadi TYT, berapa orang sasterawan atau pengarang yang dianugerahkan PGDK, ASDK, ADK, BSK, BK atau lain-lain, berbanding kalangan korporat, ahli politik dan sebagainya. Apakah sasterawan tidak ada sumbangan kepada masyarakat, bangsa, agama, negeri dan negara?"

Justeru, dalam menempuhi sisa-sisa abad ke-20 sasterawan diyakini mampu dan bersedia memikul tanggungjawab baru dan cabaran baru di alaf baru dengan keupayaan menguasai perkembangan IT serta menempuh era globalisasi dan liberasasi yang pasti datang walaupun digeruni dan tidak diundang.

Berkat semangat waja dan kesedaran `Perjuangan Belum Selesai' (meminjam bait sajak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sasterawan tetap bersemangat waja meneruskan usaha membentuk citra masyarakat dengan persepsi setiap halangan bukan kegagalan tetapi cabaran.

(END)